

Projek kumpul data untuk majukan pelajaran-Dr M

29 APR 1977

DOKTOR Mahathir Mohamed hari ini mengumumkan, satu projek pengumpulan data berkenaan semua sekolah, murid dan guru di seluruh Semenanjung Malaysia akan dijalankan dengan tujuan mengadakan satu perancangan pelajaran yang lebih teratur.

Timbalan Perdana Menteri itu memberitahu, kerajaan akan terus berbelanja lebih banyak untuk memaju dan meningkatkan lagi mutu pelajaran di negara ini.

Katanya, dengan perbelanjaan yang kian bertambah tiap-tiap tahun kerana bertambahnya permintaan terhadap pelajaran. Tetapi sumber-sumber kewangan adalah terhad, Kementerian Pelajaran akan berhati-hati dalam melaksanakan rancangan-rancangannya.

Beliau mengumumkan ini ketika berucap merasmikan Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah yang diahiri oleh 600 Pengetua dan Gurubesar, di Bangunan Azizah disini pagi tadi.

Beliau berkata, projek pengumpulan data itu akan dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan di Kementerian Pelajaran dengan mengumpul secara lebih kemas dan lengkap maklumat-maklumat atau data-data berkenaan dengan semua sekolah, murid dan guru.

Maklumat

"Ini bertujuan untuk mengetahui berbagai aspek dan jenis kemudahan-kemudahan pelajaran dan tenaga tadbir dan pengajar yang ada di sekolah-sekolah.

"Dengan maklumat-maklumat lengkap ini, perancangan pelajaran yang lebih teratur dapat di susun," kata Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran.

Menurutnya, projek ini dijangka selesai dijalankan bulan Ogos depan.

Dr. Mahathir berkata, perancangan pelajaran yang teratur akan dapat menentukan sumber-sumber bagi pelajaran digunakan dengan betul dan lebih berkesan.

Dengan demikian juga pembaziran wang rakyat dapat dielakkan, begitu juga pembaziran dari segi keciciran murid-murid.

Sumbangan

Rancangan mengumpul maklumat bagi kakitangan profesyenal di Kementerian Pelajaran dan jabatan-jabatan pe-

lajaran negeri juga akan dijalankan dan rancangan yang serupa bagi Sabah dan Sarawak sedang dipertimbangkan.

"Saya menaruh penuh keyakinan projek ini akan memberi banyak faedah kepada usaha-usaha memajukan sistem pelajaran di negara ini dengan lebih berkesan," ujarnya.

Beliau berkata, segala perbelanjaan pelajaran akan memberikan sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara dan sebilangan besar rakyat akan mendapat faedah daripadanya.

Dr. Mahathir menambah, adalah menjadi cita-cita negara untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berpelajaran, bersatu padu, bermoral, bertanggungjawab dan berdisiplin.

Beliau lalu mengambill contoh Negara Jepun yang menurutnya telah maju dalam tempoh 50 tahun dan dapat menandingi negara-negara barat yang maju, kerana disiplin yang kuat.

Timbalan Perdana Menteri sukacita kerana pengetua-pengetua sekolah memilih tema "Perubahan sikap terhadap pendidikan ke arah masyarakat berdisiplin," untuk persidangan kali ini.

Beliau lalu mensifatkan disiplin sebagai, "tingkat sakti" untuk menjamin pencapaian kemajuan sosio-ekonomi, perpaduan dan kebajikan rakyat yang lebih tinggi.